

www.pendidik.com.my

Pendidik

Strategi tepat
bina negara
bangsa

Teras ke-4
PIPP capai
sasaran

Bina bangsa
Malaysia
di sekolah satu aliran

ISSN 1823-139X



9 771823 139000

Semenanjung Malaysia RM8.00
Sabah/Sarawak RM10.00




Perancangan strategik
JPN Johor
pacu akademik negeri



Perkongsian pintar
capai objektif **PTV**

Martabatkan Bahasa Melayu jadi bahasa ilmu



BAHASA Melayu yang diajarkan dalam sistem pendidikan di Malaysia memiliki sejarah yang panjang. Ia terbukti mampu menjadi bahasa lingua-franca pada masa silam dan berkeupayaan menjadi bahasa ilmu, sains dan teknologi pada masa kini.

Sejak Penyata Razak dan Rahman Talib dirumuskan sehingga ke Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996, ia menjadi wadah penting dalam memperkasa ilmu dan pendidikan dan melahirkan ribuan ahli ekonomi, undang-undang dan saintis yang menyumbang ke arah kemajuan dan pembangunan negara.

Menginsafi negara ini terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, penggubalan Perlembagaan Malaysia

memperuntukkan Perkara 152 mengiktiraf Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi. Sejarah dan nilai budaya bahasa itu penting bagi menjadi bahasa perhubungan antara kaum demi integrasi nasional.

Dalam masa yang sama Bahasa Inggeris dijadikan sebagai bahasa kedua kerana ia ada kaitan dengan masalah perkembangan ilmu di dunia. Ia diterima oleh masyarakat Malaysia.

Malah, akhir-akhir ini terdapat cadangan supaya bahasa Cina dan Tamil dijadikan bahasa elektif dalam sistem arus perdana.

Pelajar terpilih yang sudah mempunyai asas Bahasa Inggeris apabila terpilih belajar di Barat tidak mempunyai masalah yang serius untuk menguasai Bahasa Inggeris untuk mendapatkan ilmu pengetahuan.

Sifat bahasa Melayu yang dinamik terbuka menerima masuk ribuan istilah

Arab daripada sumber al-Quran, istilah Bahasa Inggeris yang disesuaikan dengan kaedah sebutan dan ejaan Bahasa Melayu termasuk istilah sains dan matematik yang banyak diterima daripada Bahasa Inggeris. Pendekatan ini walaupun sifatnya suatu cabaran tetapi mengekalkan watak Bahasa Melayu yang segar dan dinamik.

Pemerkasaan Bahasa Melayu yang mendukung Akta Pendidikan 1966 menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa baku, ditutur dan menjadi bahasa kajian dan penulisan di kalangan ahli akademik yang bukan berbangsa Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia dan beberapa universiti yang menjadi teras memperkasa Bahasa Melayu dalam semua bidang dan kelulusan ini tidak mempunyai masalah untuk melanjutkan pengajaran dan kepakaran dalam Bahasa Inggeris.

Di era globalisasi ini, ada kebingungan bahawa menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa subjek Matematik dan Sains boleh membawa kepada kelembapan dan ketinggalan orang Melayu dan masyarakat Malaysia dalam bidang ilmu terkini.

Pada hemat saya belum ada kajian empirikal yang membuktikan dakwaan ini. Sejarah kekuatan tamadun Islam tidak membawa bersama bahasa Greek apabila ilmuan Islam mengambil ilmu orang Yunani untuk diambil manfaat berbandingnya. Kehebatan tamadun Islam menyebabkan ilmuan Barat mendatangi Andalusia dan Sicily dengan penguasaan Bahasa Arab lalu menterjemahkan buku-buku sains, matematik dan perubatan Islam ke dalam bahasa Latin, Ibrani dan Hebrew tetapi tidak mengambil bahasa Arab untuk dijadikan bahasa pengantar di universiti

di Eropah.

Oleh itu amat penting pemerkasaan Bahasa Melayu berlangsung dalam sistem pendidikan kita kerana jangka panjangnya menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam

**“ Sifat bahasa
Melayu yang dinamik
terbuka menerima
masuk ribuan istilah
Arab daripada sumber
al-Quran, istilah Bahasa**

**Inggeris yang
disesuaikan dengan
kaedah sebutan dan
ejaan Bahasa Melayu
termasuk istilah sains
dan matematik yang
banyak diterima
daripada Bahasa
Inggeris ”**

Matematik dan Sains boleh menyebabkan hampir 100 subjek dan disiplin ilmu yang berkaitan dengan Matematik dan Sains akan berkembang menggunakan Bahasa Inggeris.

Kemungkinan hari depan bakal meletakkan Bahasa Melayu sebagai bahasa pinggiran tetapi bukan bahasa ilmu, bahasa intelektual atau bahasa

sains dan teknologi. Bahasa Melayu tidak lebih sebagai bahasa perhubungan dan komunikasi hingga akhirnya kebakuan Bahasa Melayu akan beransur hilang, penggunaannya semakin terbatas dan ia tidak menjadi bahasa kebanggaan bagi bangsa Malaysia.

Penolakan Bahasa Melayu untuk digunakan dalam Matematik dan Sains hanya munasabah jika Bahasa Melayu selama ini gagal menyerap perubahan yang berlaku dan menyebabkan doktor tersalah faham konsep perubatan dan jurutera salah mengerti konsep kejuruteraan hingga menyebabkan bangunan runtuh kerana menggunakan Bahasa Melayu.

Sebagai sebuah bahasa yang dinamik, Bahasa Melayu boleh menjadi salah satu bahasa yang penting di dunia. Bahasa ini diucapkan oleh hampir 300 juta penduduk di rantau Asia Tenggara. Memartabatkannya sebagai bahasa ilmiah, bahasa sains dan teknologi amat penting supaya bahasa ini menarik minat orang luar untuk mempelajarinya.

Menjadikannya sebagai bahasa elektif di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan universiti-universiti yang terdapat ramai pelajar-pelajar antarabangsa belajar supaya tidak saja mereka datang ke Malaysia mengambil peluang pendidikan yang ada tetapi dalam masa yang sama mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara ini.

Kalaularah bahasa Mandarin, Perancis, Jepun, German dan Russia dijadikan bahasa elektif bagi sesetengah pelajar mengapa tidak semua universiti di Malaysia menjadikan Bahasa Melayu bahasa elektif yang utama. ■